

SUSTAINABLE PALM OIL POLICY

Scope

This policy applies to all Prosper operations, including our subsidiaries, joint ventures, and companies which we have management control. We would also require all our associated and third party suppliers to commit and comply to this policy.

Our Commitments

We at Prosper will ensure that our products are produced in a sustainable manner by adhering to the sustainability principles throughout the company for the benefit of present and future generations. We are committed to:

- ✔ Comply all applicable local, state, national, and international laws and regulations
- ✔ Conserve the environment and promote positive environmental impacts
- ✔ Respect the rights of workers and local communities
- ✔ Build a transparent, traceable, and sustainable palm oil supply chain
- ✔ Produce quality products and provide good services to customers

1. Legal Compliance

- We will ensure that all our operations, including our suppliers of the palm oil supply chain, to comply with all applicable local, state, national, and international laws and regulations.
- We respect for fair and ethical conduct of business and prohibit all forms of corruption, bribery, and fraudulent use of funds and resources.

2. Environmental

- We adhere to environmental laws and regulations.
- We prohibit burning in all our operations including replanting and new planting.
- We conserve the environment by mitigating the negative impacts and promoting the positive ones through systematic planning and procedure.
- We will generate plans and implement programmes to reduce Greenhouse Gas (GHG) emission from all our operations.
- Training will be provided to all workers on environmental awareness and pollution prevention, and take on the responsibility to preserve the environment.
- High Conservation Value (HCV) area will be maintained, together with the protection of rare, threatened, and endangered species.
- No development of High Carbon Stock (HCS) Forests.
- Conduct HCV and HCS assessments prior to any commencement of land clearing work for new planting of oil palm.
- No new development on peat regardless of depth.
- Best Management Practices will be applied on existing plantations on peat.

- Co-operate with the community, contractors, suppliers, and government agencies to improve the environment.

3. Social

- The process of recruitment and promotion will solely base on individual qualification and performance, regardless of race, caste, nationality, religion, physical disability, gender, sexual orientation, age, union membership, and/ or political affiliation. We will ensure that equal opportunities are provided to all personnel.
- All recruitment fees or costs of the workers will be borne by the company for any job placement.
- We prohibit the use of child labour with preventive measures. Remedial action shall be taken when any of such case is uncovered to provide assistance and protect the child's welfare.
- We prohibit the use of forced or bonded labour and human trafficking with preventive measures. Remedial action shall be taken when any of such case is uncovered to provide support and assistance to the victim.
- A written employment contracts with details of their duties, rate of pay, working hours, leave, and all other benefits of employment are given to all workers in a language they understand.
- All workers are being paid with a wage equal to or exceeding the legal minimum wage.
- Working hours for all workers, including overtime hours (on a voluntary basis), are in accordance with national legislation, and each worker is entitled to one rest day each week.
- We respect the rights of all workers to form or join trade unions and bargain collectively.
- We will not tolerate any type of sexual harassment and violence in our workplace and the management will take the lead in preventing it.
- With a robust grievance mechanism in place, we ensure all workers have access to judicial remedy without the fear of recrimination and dismissal.
- We will ensure a safe and healthy working environment to all our workers according to our Occupational Safety and Health Policy.
- We will provide a safe and hygienic accommodation to all our workers.
- We respect land tenure rights.
- We respect native or customary rights of indigenous and local communities.
- We commit to Free, Prior and Informed Consent (FPIC) before commencement of any new development.

4. Transparency and Traceability

- With a transparent grievance system in place, we will improve the level of engagement with our stakeholders for them to inform us when there are issues with our palm oil supply chain. The e-grievance form is available on our website at <http://www.prosper.com.my/Sustainability-Grievance-Procedure.php> or by sending e-mail to grievances@prosper.com.my.
- We will endeavour to source FFB from suppliers who are committed to our Sustainable Palm Oil Policy.

- We will engage with our smallholders to promote our Sustainable Palm Oil Policy, and if necessary, provide support and guidance to comply with our policy.
- We are open to any engagement with NGOs, communities, governments, workers, experts, and other relevant stakeholders to assist us on the policy implementation and continuous improvement of Prosper's sustainability practices.
- A summary of implementation will be released every six months on our website (www.prosper.com.my) to inform the public about the implementation progress.

5. Quality

- We are committed to produce quality products and provide good services with competitive pricing to meet industry expectations and customer requirements.
- We will remain innovative and consider new technologies for continual improvement and to cater for changing needs.

Implementation and Monitoring

This policy will be implemented throughout the company with immediate effect and we will continue to monitor the implementation process. Taking into account of new developments of the industry and feedbacks from the public, we will have this policy reviewed periodically to strengthen our commitment towards sustainable palm oil production.



DATO' SRI TEE LIP SIN
EXECUTIVE DIRECTOR

Revised on 10th OCTOBER 2019

POLISI MINYAK SAWIT MAMPAN

Skop

Polisi ini hendaklah dipatuhi oleh semua operasi Prosper, termasuk anak syarikat, usaha sama, dan syarikat-syarikat yang diuruskan oleh Prosper. Kami juga memerlukan semua pembekal yang berkaitan untuk mematuhi polisi ini.

Komitmen Kami

Kami di Prosper akan memastikan bahawa produk kami dihasilkan secara mampan dengan mematuhi prinsip-prinsip kemampanan di seluruh syarikat demi kebaikan generasi sekarang dan akan datang. Kami komited untuk:

- ✔ Mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan, negeri, negara, dan antarabangsa yang berkenaan
- ✔ Memulihara alam sekitar dan menggalakkan aktiviti yang positif terhadap alam sekitar
- ✔ Menghormati hak pekerja dan masyarakat setempat
- ✔ Membina rantai bekalan minyak sawit yang telus, boleh dikesan, dan mampan
- ✔ Menghasilkan produk yang berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan

1. Pematuhan Undang-undang

- Kami akan memastikan semua operasi kami, termasuk pembekal rantai bekalan minyak sawit, untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan, negeri, negara, dan antarabangsa yang berkenaan.
- Kami menekankan amalan perniagaan yang adil dan beretika dan melarang segala bentuk rasuah dan penyalahgunaan dana dan sumber.

2. Alam Sekitar

- Kami mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar.
- Kami melarang segala jenis pembakaran dalam semua operasi kami termasuk penanaman semula dan penanaman baru.
- Kami memulihara alam sekitar dengan mengurangkan aktiviti yang negatif dan menggalakkan aktiviti yang positif terhadap alam sekitar melalui perancangan dan prosedur yang sistematik.
- Kami akan merancang dan melaksanakan program untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) oleh semua operasi kami.
- Semua pekerja akan diberi latihan mengenai kesedaran alam sekitar dan mencegah pencemaran, serta memikul tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar.
- Kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) akan dikekalkan, bersama-sama dengan perlindungan spesies yang jarang, terancam, dan sangat terancam.
- Tiada pembukaan dan pembangunan tanah hutan yang mempunyai Stok Karbon Tinggi (HCS).
- Menjalankan penilaian HCV dan HCS sebelum sebarang kerja pembersihan tanah untuk penanaman baru kelapa sawit.

- Tiada pembukaan dan pembangunan baru atas semua kedalaman tanah gambut.
- Melakukan amalan terbaik di ladang yang telah ditanam atas tanah gambut.
- Bekerjasama dengan masyarakat, kontraktor, pembekal, dan agensi-agensi kerajaan untuk memperbaiki alam sekitar.

3. Sosial

- Proses pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat hanya akan berdasarkan kelayakan dan prestasi individu, tanpa mengira bangsa, kasta, kewarganegaraan, agama, kecacatan fizikal, jantina, orientasi seksual, umur, keanggotaan kesatuan, dan/ atau keanggotaan politik. Kami akan memastikan peluang yang sama diberikan kepada semua kakitangan.
- Semua kos pengambilan pekerja akan ditanggung oleh syarikat untuk sebarang penempatan pekerjaan.
- Kami melarang dan mencegah penggunaan buruh kanak-kanak. Tindakan pemulihan akan diambil apabila kes sedemikian ditemui untuk memberi bantuan dan melindungi kebajikan kanak-kanak tersebut.
- Kami melarang dan mencegah penggunaan buruh paksa atau terikat dan pemerdagangan manusia. Tindakan pemulihan akan diambil apabila kes sedemikian ditemui untuk memberi bantuan kepada mangsa tersebut.
- Semua pekerja akan diberikan kontrak pekerjaan bertulis dengan butiran tugas, kadar gaji, waktu bekerja, cuti, dan semua faedah dan ganjaran pekerjaan dalam bahasa yang mereka fahami.
- Semua pekerja dibayar dengan gaji bersamaan dengan atau melebihi gaji minimum mengikut perintah.
- Waktu bekerja untuk semua pekerja, termasuk waktu kerja lebih masa (secara sukarela), adalah selaras dengan perundangan negara, dan setiap pekerja berhak untuk mendapat satu hari rehat setiap minggu.
- Kami menghormati hak semua pekerja untuk membentuk atau menyertai kesatuan dan tawar-menawar secara kolektif.
- Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang jenis gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja dan pihak pengurusan akan mengambil langkah tegas untuk mencegahnya.
- Semua keluhan yang disuarakan oleh pekerja akan melalui proses keadilan dan pekerja tersebut dilindungi di bawah prosedur aduan dan keluhan kami yang mantap tanpa merasa bimbang atas tuduhan atau pemecatan.
- Kami akan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja berdasarkan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kami.
- Kami akan menyediakan tempat tinggal yang bersih dan selamat kepada semua pekerja.
- Kami menghormati hak pemilikan tanah.
- Kami menghormati hak adat bumiputera masyarakat pribumi dan masyarakat setempat.
- Kami komited terhadap Persetujuan Atas Dasar Informasi di Awal Tanpa Paksaan (FPIC) sebelum sebarang pembangunan baru.

4. Ketelusan dan Kebolehsesanan

- Dengan adanya sistem keluhan yang telus, kami akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan agar mereka dapat memaklumkan kepada kami apabila terdapat masalah dengan rantaian bekalan minyak sawit kami. Borang e-aduan boleh didapati di laman web kami <http://www.prosper.com.my/Sustainability-Grievance-Procedure.php> atau menghantar emel kepada grievances@prosper.com.my.
- Kami akan berusaha untuk mendapatkan sumber BTS daripada pembekal yang komited kepada Polisi Minyak Sawit Mampan ini.
- Kami akan menerangkan Polisi Minyak Sawit Mampan ini kepada pekebun kecil kami, dan jika perlu, memberikan bantuan dan panduan kepada mereka untuk mematuhi polisi ini.
- Kami selalu bersedia untuk mengadakan dialog dengan NGO, komuniti, kerajaan, pekerja, pakar-pakar, dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk membantu kami dalam pelaksanaan polisi ini dan mencapai penambahbaikan yang berterusan dalam amalan kemampanan.
- Ringkasan pelaksanaan akan dipaparkan di laman web kami (www.prosper.com.my) setiap enam bulan agar orang ramai dapat mengambil tahu perkembangan pelaksanaan kami.

5. Kualiti

- Kami komited untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang baik dengan harga yang kompetitif untuk memenuhi jangkaan industri dan keperluan pelanggan.
- Kami akan terus berinovasi dan mempertimbangkan teknologi baru untuk penambahbaikan yang berterusan dan memenuhi keperluan perubahan.

Pelaksanaan dan Pemantauan

Polisi ini akan dilaksanakan di seluruh syarikat dengan serta-merta dan kami akan terus memantau proses pelaksanaannya. Dengan mengambil kira perkembangan baru industri dan maklumbalas daripada orang ramai, kami akan mengkaji semula polisi ini secara berkala untuk mengukuhkan komitmen kami terhadap penghasilan minyak sawit yang mampan.



DATO' SRI TEE LIP SIN
PENGARAH EKSEKUTIF

Disemak semula pada 10^{hb} OKTOBER 2019